



foodpanda Mewarnai Genting dengan Warna Merah Jambu sebagai Platform Penghantaran Makanan Pertama yang Beroperasi Tinggi di Awan

Pelanggan Resorts World Genting kini tidak perlu beratur dan boleh menikmati makanan dari restoran terbaik dengan membuat pesanan menerusi foodpanda

Kuala Lumpur, 20 Mac 2023 — foodpanda kini beroperasi di Resorts World Genting (RWG) sebagai perkhidmatan penghantaran makanan pertama di destinasi pelancongan popular itu. Kerjasama ini membolehkan para pengunjung meluangkan lebih banyak masa menikmati pemandangan dan melakukan aktiviti yang menyeronokkan di kawasan tanah tinggi itu selain daripada beratur membeli makanan.

Dalam kerjasama antara foodpanda Malaysia, salah satu penyedia perkhidmatan penghantaran makanan dan barangan runcit terkemuka di Malaysia, dan RWG, pusat peranginan tanah tinggi bersepadu terunggul di Malaysia; pelanggan boleh menikmati makanan dari restoran terbaik tanpa perlu beratur dengan membuat pesanan dan mengambilnya kemudian, atau dihantar kepada mereka.

Rakan penghantaran ikonik foodpanda yang lengkap berseragam merah jambu akan membuat perjalanan naik dan turun di jalan berbukit pada ketinggian 6,000 kaki di atas paras laut, mengambil hidangan enak dari beberapa lokasi di RWG seperti SkyAvenue, First World Plaza, Genting Premium Outlet, Resorts World Awana dan Gohtong Jaya Baru.

“Kami berbesar hati kerana RWG mengiktiraf kehadiran dan kepakaran jenama foodpanda Malaysia yang mantap dalam memberikan pengalaman baharu bagi memenuhi keperluan vendor dan pelanggan kami, yang seterusnya membolehkan semua orang menikmati kemudahan dan keseronokan tambahan yang ditawarkan oleh RWG,” kata Pengarah Pemasaran foodpanda Malaysia, Bernard Chong.

Tambah beliau, sebagai sebuah organisasi yang berkembang pesat atas kecemerlangan teknologi dan operasi, foodpanda Malaysia menemui sinergi dengan RWG, yang menawarkan pelbagai pilihan restoran yang memenangi anugerah dan pengalaman aktiviti hiburan dan riadah yang tiada tandingannya.

Sementara itu, Naib Presiden Kanan Jualan dan Pemasaran Genting Malaysia Berhad, Spencer Lee berkata, “Resorts World Genting berbesar hati dan teruja kerana dapat bekerjasama dengan jenama besar perkhidmatan penghantaran pantas seperti foodpanda dan berharap kerjasama penghantaran makanan ini dapat membawakan lebih banyak pengalaman yang hebat kepada pelanggan kami. Kami sentiasa terbuka untuk bekerjasama dengan mana-mana pihak yang akan memperkayakan lagi keseluruhan pengalaman tetamu kami.”



Antara restoran yang boleh didapati di dalam aplikasi dan laman sesawang foodpanda ialah *Flavours of Genting*, di mana tat nanas dan biskut duriannya yang dibakar segar dan menyelerakan boleh dihantar terus kepada pelanggan di mana sahaja mereka berada. Restoran-restoran lain termasuklah Medan Selera, *Motorino Pizzeria @ Highline*, *Harry Ramsden*, *Jom Makan*, *The Bakery*, *Cha Chaan Teng*, *Il Lago* dan *Ayu Awana*.

Bagi meraikan kerjasama itu, foodpanda Malaysia telah menganjurkan 'flash mob' pada minggu lepas, di mana 30 penari telah menghiburkan para pengunjung di SkyAvenue sambil diiringi irama muzik daripada kumpulan K-pop terkemuka, Blackpink sebelum disusuli oleh acara pemberian cenderahati dan barangan berjenama.

Duta jenama foodpanda kesayangan ramai, Pau-Pau, bersama-sama dengan maskot RWG Allie the Elephant, turut beramah mesra dengan pengunjung pusat membeli-belah itu yang berpusu-pusu mahu merakamkan swafoto mereka dengan dua watak comel itu dalam satu kemunculan yang belum pernah disaksikan sebelum ini.

Untuk tempoh yang terhad, pelanggan foodpanda di RWG boleh menikmati diskaun 50% dengan menggunakan kod NEWPANDA, dihadkan setakat RM10 tanpa nilai perbelanjaan minimum.

-tamat-



MENGENAI FOODPANDA

foodpanda adalah peneraju platform makanan atas talian di Asia yang berazam untuk membawa pelbagai jenis makanan, barangan keperluan dan banyak lagi kepada para pengguna dengan pantas dan mudah. Dengan kecanggihan teknologi dan operasi yang cemerlang, foodpanda telah menerajui perkembangan quick-commerce (q-commerce) di seluruh rantau ini dengan kerjasama rakan niaga, termasuklah pandamart – perkhidmatan pembelian barangan runcit di atas talian yang akan memberikan lebih banyak pilihan di sebalik jutaan pilihan penghantaran makanan yang lain. foodpanda beroperasi di lebih daripada 300 bandar di seluruh 11 pasaran di Asia Pasifik - Singapura, Hong Kong, Thailand, Malaysia, Pakistan, Taiwan, Filipina, Bangladesh, Laos, Kambodia dan Myanmar. foodpanda dimiliki oleh Delivery Hero, peneraju industri penghantaran makanan di dunia.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.foodpanda.com

MENGENAI DELIVERY HERO

Delivery Hero adalah platform penghantaran tempatan terkemuka di dunia yang beroperasi di 40 negara di Asia, Eropah, Amerika Latin, Timur Tengah dan Afrika Utara. Pada masa sekarang, syarikat yang bermula sebagai perkhidmatan penghantaran makanan pada tahun 2011 telah berkembang mengendalikan platform penghantaran sendiri di empat benua. Delivery Hero juga mengendalikan perkhidmatan penghantarannya sendiri terutamanya di lebih 600 bandar diserata dunia. Syarikat ini beribu pejabat di Berlin, Jerman dan mempunyai lebih daripada 27,000 kakitangan. Delivery Hero disenaraikan di dalam Bursa Saham Frankfurt dan menjadi sebahagian daripada indeks DAX (Deutscher Aktienindex) terkemuka pada tahun 2020. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.deliveryhero.com

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Regina Lee Cheng
Ketua Bahagian Perhubungan Awam,
foodpanda Malaysia
E: regina.lee@foodpanda.my
M: +60 16-617 0479

Lisa Santa Maria
Pengurus Bahagian Perhubungan Awam,
foodpanda Malaysia
E: l.santamaria@foodpanda.my
M: +60 17-675 4692